

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : KENDERaan KERAJAAN

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah asas pembelian Kerajaan kegunaan jabatan jenis segmen-D seperti Honda CRV, Nissan X-Trail, Hyundai Sorento yang secara amnya lebih mahal dan berprestij daripada kereta yang dipakai oleh Menteri dan Timbalan Menteri?

JAWAPAN:

- a) Sebagai makluman, model kenderaan yang digunakan oleh Menteri dan Timbalan Menteri iaitu **Proton Perdana 2.4 Executive** adalah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) menerusi **1Pekeliling Perbendaharaan. WP4.1 Pengurusan Kenderaan Kerajaan** selari dengan status mereka sebagai Anggota Pentadbiran Kerajaan Malaysia. Kenderaan-kenderaan ini kebanyakannya tidak dibeli tetapi diperoleh menerusi kaedah pajakan (*lease*) menerusi syarikat pengurusan *Fleet* iaitu SPANCO Sdn. Bhd. Kerajaan Negeri mendapat benar wujud pembelian kenderaan kerajaan dari jenis *Sport Utility Vehicle* (SUV) seperti Honda CR-V, Nissan X-trail dan Kia Sorento. Kenderaan ini pada asasnya dibeli oleh jabatan bagi kegunaan dan aktiviti berikut:-
- (i) Operasi penguatkuasaan tanah merangkumi penguatkuasaan pengeluaran pasir dan bahan batuan, pematuhan syarat guna tanah bagi tanah beri milik, operasi kutipan hasil tanah serta penguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah kerajaan;
- (ii) Pemantauan program dan projek Kerajaan Negeri merangkumi projek pembaikan dan pembinaan baharu bangunan kerajaan, pembaikan dan naik taraf Jalan Negeri termasuk lain-lain infrastruktur awam seperti perparitan, sungai dan jejambat. Di samping itu, ia juga digunakan bagi tujuan lawatan tapak serta pelaksanaan program di peringkat akar umbi di seluruh Negeri Selangor.

Oleh sebab aktiviti jabatan tersebut memerlukan kenderaan yang lasak, maka kenderaan jenis SUV diperlukan bagi membolehkan warga kerja terlibat menelusuri semua permukaan jalan sama ada berturap atau tidak berturap (*Off-Road*) termasuk di kampung-kampung pedalaman Negeri Selangor. Kenderaan

jenis SUV ini lebih sesuai digunakan berbanding kereta jenis Sedan yang akan mudah rosak serta tidak sesuai digunakan di kawasan sedemikian.

Seperti mana Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN/EXCO) Negeri Selangor yang dibekalkan kereta rasmi jenis Sedan, mereka juga akan diberi sokongan dengan kenderaan SUV sedia ada jabatan bagi membolehkan mereka dapat memasuki kawasan yang tidak boleh dilalui oleh kenderaan Sedan.

Daripada segi perspektif harga, harga belian kenderaan kerajaan adalah secara puratanya **29% lebih murah** dari harga pasaran kerana dikecualikan daripada bayaran duti eksais, cukai jualan/GST dan insurans. Secara perbandingan pula, kos pajakan tahunan bagi Proton Perdana 2.4 *Executive* yang diurus secara pajakan (*/lease*) didapati **36%** lebih tinggi daripada kos ansuran bulanan mengikut harga pasaran.

JADUAL 1

HARGA BELIAN KERAJAAN	KOS PAJAKAN/ <i>LEASE</i> (RM)									
Nissan X-trail 2.0 2WD	Proton Perdana 2.4 Executive									
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Harga Pasaran (RM)</th><th>Harga Kerajaan (RM)</th><th>Beza (-/+ RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>129,289.93</td><td>95,000.00</td><td>34,289.93</td></tr> <tr> <td colspan="3">% Beza Harga : 27%</td></tr> </tbody> </table>	Harga Pasaran (RM)	Harga Kerajaan (RM)	Beza (-/+ RM)	129,289.93	95,000.00	34,289.93	% Beza Harga : 27%			<u>Kos Pajakan Sebulan</u> RM 3,284.84 Katakan, tempoh pajakan:- 5 tahun / 60 bulan Kos pajakan selama 60 bulan ialah RM197,090.40 <u>Harga Pasaran Sebenar:-</u> RM127,247.74 <u>Kos Belian Secara Pinjaman</u> Katakan, kadar faedah pinjaman ialah 2.8% bagi tempoh 5 tahun , kos pembelian secara pinjaman ialah:- =RM127,247.74 + (Faedah) = RM127,247.74 + RM17,814.70 = RM 145,062.44
Harga Pasaran (RM)	Harga Kerajaan (RM)	Beza (-/+ RM)								
129,289.93	95,000.00	34,289.93								
% Beza Harga : 27%										
Honda CR-V 2.0 2WD										
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Harga Pasaran (RM)</th><th>Harga Kerajaan (RM)</th><th>Beza (-/+ RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>134,384.00</td><td>100,000.00</td><td>34,384.00</td></tr> <tr> <td colspan="3">% Beza Harga : 26%</td></tr> </tbody> </table>	Harga Pasaran (RM)	Harga Kerajaan (RM)	Beza (-/+ RM)	134,384.00	100,000.00	34,384.00	% Beza Harga : 26%			
Harga Pasaran (RM)	Harga Kerajaan (RM)	Beza (-/+ RM)								
134,384.00	100,000.00	34,384.00								
% Beza Harga : 26%										
Kia Sorento 2.4 2WD										

HARGA BELIAN KERAJAAN			KOS PAJAKAN/ <i>LEASE</i> (RM)
Harga Pasaran (RM)	Harga Kerajaan (RM)	Beza (-/+) RM	<u>Kos Ansuran Bulanan:-</u>
158,888.00	105,000.00	53,888.00	= RM145,062.44 / 60 bulan = RM2,417.71
% Beza Harga : 34%			Beza kos pajakan bulanan dengan kos ansuran bulanan:- = RM3,284.84 – RM 2,417.71 = RM867.13
% Purata Beza Harga: 29% lebih rendah			% Beza kos : 36% lebih tinggi

Jadual 1: Perbezaan Kos Belian Kerajaan Dan Kos Pajakan (*Lease*)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA IZIN

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status Program Pemutihan Kilang Tanpa Izin?
- b) Adakah Program ini telah dilanjutkan?
- c) Adakah Kerajaan beri lebih kelonggaran kepada pengusaha kilang?

JAWAPAN:

- a) Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) di Negeri Selangor telah tamat pada 31 Disember 2015.
- b) Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Kilang Haram Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Ng Sze Han Penggerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru yang telah diadakan pada 23 Julai 2018 telah bersetuju untuk meneruskan Program Pemutihan Kilang Haram dengan kajian semula ke atas insentif dan garis panduan syarat teknikal minima yang telah dilaksanakan di dalam PPKTK yang lalu menamakan program baharu ini sebagai Smart KTK (Kilang Tanpa Kebenaran) 2.0.
- c) Satu bengkel akan diadakan dalam masa yang terdekat bagi mengkaji semula insentif dan garis panduan syarat teknikal minima sebelum diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk pertimbangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PENGURANGAN JUMLAH PELUPUSAN SISA PEPEJAL

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan mempunyai perancangan bersepada dalam mengurangkan jumlah pelupusan sisa pepejal?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan Projek Perintis Kitar Semula dalam pengasingan sisa pepejal di empat (4) buah PBT iaitu MBPJ, MPAJ, MPKj dan MDHS mulai tahun 2015. Satu Pelan Tindakan Pelan Pengasingan Sisa berskala kecil yang merangkumi bahan kitar semula telah dilaksanakan di **Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)** dan **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** sebagai PBT perintis bagi mewujudkan '*Action Plan*'. Susulan daripada itu, MBSA dan MBPJ telah mula melaksanakan Program Pengasingan Sisa bermula pada tahun 2015, yang melibatkan sebanyak 13,699 unit rumah.

Bagi mengurangkan jumlah pelupusan sisa pepejal, beberapa program seperti berikut juga telah dilaksanakan:-

- i) Program kesedaran melalui 3R (*Reuse/Reduce/Recycle*) yang turut melibatkan Jawatankuasa Penduduk dan sekolah-sekolah;
- ii) Program menukar sisa makanan/domestik kepada pengkomposan; dan
- iii) Program *Spring Cleaning* setiap 4 musim perayaan (Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Deepavali dan Krismas).

Selain itu, MBPJ juga telah mengambil inisiatif untuk menggunakan mekanisme "*Anaerobic Digestor*" (AD) di dalam langkah mengurangkan pelupusan sisa pepejal di tapak pelupusan terutamanya sisa yang dihasilkan di medan-medan selera. Pada masa kini, MBPJ telah memasang 2 unit (AD) untuk tujuan tersebut di lokasi berikut :-

- i) 1 Unit AD di Smart PJ Waste Solution Lab, SS2 Petaling Jaya.
- ii) 1 Unit AD di PJ Eco-Recycling Plaza, SS8/39 Petaling Jaya

Bagi PBT lain pula, program pengasingan sisa telah mula dirancang dan ada yang telah dilaksanakan seperti berikut:-

- i. **Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)** telah menjalankan program pengurangan sisa pepejal iaitu mewujudkan Pusat Biomass Bersepadu di mana aktiviti terdiri daripada Kompos sisa kebun; Kompos sayur-sayuran-Projek *Vermicomposting* dan *Biogas- ‘Waste to Energy’- ‘Anaerobic Digestion’*.
- ii. Manakala **Majlis Perbandaran Selayang (MPS)** pula telah merangka satu projek yang komprehensif bagi tujuan mengurangkan penjanaan sisa pepejal ke tapak pelupusan sampah dengan mewujudkan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (*R&D Centre*) bagi pengurusan sisa domestik dalam kawasan pentadbiran MPS bersama syarikat usahasama yang dilantik Syarikat Bell Enviro Sdn. Bhd. Pusat ini menjadi projek perintis sistem rawatan sisa domestik dengan kaedah *Organocycler* di Jalan Industri 3/1 Rawang Intergrated Industrial Park. Sisa domestik akan dihantar dan diproses untuk menjadi baja dan mengurangkan penggunaan tanah untuk tapak pelupusan sampah.
- iii. **Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)** telah berkerjasama dengan Freaser & Neave Sdn. Bhd (F&N) dalam menjalankan pertandingan kitar semula antara sekolah-sekolah dengan penglibatan sebanyak 20 buah sekolah di kawasan MPAJ selain berkerjasama dengan agensi bukan kerajaan (NGO) iaitu Pertubuhan Amal Seri Sinar (PASS) dan Pertubuhan Kebajikan Masyarakat Melalui Kitar Semula (PKMMKS) bagi meletakkan 47 tong kitar semula di kawasan MPAJ.

Untuk makluman Ahli Dewan, Kerajaan Negeri melalui **Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor** telah meneruskan **Karnival Kepenggunaan Negeri Selangor** atau dikenali Jelajah Pengguna pada tahun 2016 sebagai rancangan bersepadu dalam mendidik rakyat untuk mengamalkan budaya pengasingan bahan kitar semula dengan meningkatkan jumlah peruntukan kepada semua PBT daripada sebanyak RM10,000.00 pada tahun 2017 kepada **RM20,000.00** pada tahun **2018**. Antara pengisian program ini adalah:-

- i) Taklimat Kepenggunaan;
- ii) Pameran Kitar Semula;
- iii) Pertandingan Reka Cipta Dari Barang Terbuang;
- iv) Demontrasi Kitar Semula;

- v) Menjalankan kempen-kempen seperti Hari Tanpa Beg Plastik;
- vi) Pengurangan Penggunaan Bahan Polistirin;
- vii) Kitar Semula Minyak Masak; dan
- viii) Program 3R (*Reuse/ Reduce/ Recycle*)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : BAJET UNTUK NELAYAN

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah bajet untuk bantuan nelayan yang telah dibelanjakan untuk tahun 2018?
- Berapakah baki peruntukan tersebut?

JAWAPAN:

- Jumlah bajet yang diperolehi pada tahun 2018 daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk nelayan sahaja adalah sebanyak RM500,000.00 dan perolehan daripada Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM93,500.00 untuk nelayan sahaja. Berikut bajet pecahan dan agihan bajet yang diterima oleh Jabatan Perikanan Negeri Selangor dan juga bajet (peruntukan) yang telah dibelanjakan sepanjang tahun 2018 untuk nelayan di Negeri Selangor ialah :

BANTUAN KERAJAAN	BAJET YANG DITERIMA (RM)	JENIS BANTUAN YANG TELAH DIBELANJAKAN	NILAI PEROLEHAN (RM)	BAKI PEROLEHAN (RM)
Bantuan Kerajaan Negeri Selangor	RM500,000.00	Bantuan Nelayan: -Perolehan jaring	RM405,798	RM94,202
Bantuan Kerajaan Persekutuan	RM93,500.00	Bantuan Nelayan -Perolehan tong insulasi	RM82,168	RM11,332

- Peruntukan Kerajaan Negeri Selangor

- Bantuan Nelayan
Baki peruntukan selepas membuat perolehan jaring iaitu RM94,202.00 pihak Jabatan Perikanan Negeri Selangor dalam perancangan untuk menambah lagi kuantiti bilangan jaring pelbagai jenis untuk memberi tambah nilai kepada para nelayan bagi sumber hasil perikanan laut.

Peruntukan Kerajaan Persekutuan

- **Bantuan Nelayan**

Baki peruntukan selepas membuat perolehan daripada peruntukan yang telah diberi oleh kerajaan persekutuan ialah RM11,332.00. Baki peruntukan tersebut akan dibelanjakan dalam masa terdekat ini. Mengikut perancangan jabatan, pihak jabatan dalam perancangan untuk menambah kuantiti tong insulasi berikutan peralatan tersebut sangat membantu para nelayan untuk menyimpan hasil laut semasa aktiviti penangkapan ikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : KEBANJIRAN WARGA ASING

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apa tindakan Kerajaan mengatasi masalah warga asing meniaga tanpa kebenaran dan aktiviti meng'alibaba'kan lesen perniagaan kepada warga asing?
- b) Apakah tindakan Kerajaan mengawal bilangan warga asing di Selangor dan khususnya di Meru?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa mengadakan pemantauan berkala dan operasi bersepada bersama-sama dengan agensi penguatkuasaan yang lain. Antara tindakan yang telah diambil oleh PBT adalah:
 - i) Tindakan sitaan dan kompaun ke atas premis yang tidak mempunyai lesen perniagaan.
 - ii) Tindakan pembatalan lesen sekiranya didapati peniaga melanggar syarat-syarat yang ditetapkan termasuk penyewaan lesen kepada orang asing.
 - iii) Lesen perniagaan akan ditarik balik sekiranya kesalahan yang dilakukan didapati berulang.
- b) Terdapat beberapa tindakan kerajaan dalam mengurangkan warga asing terutama pendatang asing tanpa Izin (PATI) iaitu dengan menjalankan program seperti berikut:
 - i) Program Pengampunan 3+1, iaitu warganegara asing yang telah tinggal lebih masa di Malaysia. Dengan program ini, PATI akan hadir ke pejabat Imigresen secara sukarela untuk mendaftar dan seterusnya dihantar pulang dan disenaraihitamkan selama 5 tahun;

- ii) Program Pengajian Semula Pendatang asing (REHIRING) yang mana majikan mendaftarkan semua PATI yang mempunyai passport yang sah supaya mendapat permit;
- iii) Program Enforsment Card (E-KAD). Iaitu suatu program yang dijalankan untuk mendaftarkan PATI-PATI yang tidak mempunyai sebarang dokumen. Melalui program ini, PATI akan diberikan E-KAD dan perlu membuat pasport di Kedutaan sebelum mendaftar di dalam Program Rehiring;
- iv) Program kesedaran terhadap majikan-majikan yang mengajikan pekerja asing tanpa permit yang sah. Program-program seperti NBOS, pemeran bersama jabatan/agensi dan Hari Bersama Pelanggan;
- v) Mengetatkan kawalan pintu masuk terutama di Pelabuhan Klang. Statistik dari Januari 2018 sehingga Ogos 2018, terdapat hampir 1045 orang penumpang yang tidak dibenarkan masuk kerana disyaki akan melakukan kesalahan Imigresen bagi pintu masuk Jeti Pelabuhan Klang Selatan, Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : MENAIK TARAF SISTEM PERPARITAN

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi menaik taraf sistem perparitan di Selangor bagi menangani isu banjir?

JAWAPAN:

- a) Inisiatif Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Pengairan dan Saliran adalah dengan meluluskan siling peruntukan pembangunan negeri pada RMK-11 sebanyak RM527 juta. Siling yang diluluskan bagi menaiktaraf sistem perparitan adalah sebanyak RM367 juta melalui 2 butiran khusus iaitu pembangunan projek tebatan banjir dan menaiktaraf saliran. Kerajaan Negeri telah meluluskan siling peruntukan sebanyak 69.64% dari keseluruhan siling peruntukan RMK-11 bagi menaiktaraf sistem perparitan dan sungai bagi menangani isu banjir.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KESELAMATAN DAN POLIS

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah langkah-langkah dan usaha Kerajaan bagi menjamin keselamatan awam di Selangor?
- Berapa anggota polis seharusnya diletakkan di setiap kawasan seperti sedia maklum banyak pembangunan perumahan baru di Semenyih dan kurangnya anggota Polis bagi menjaga keselamatan awam di sini?

JAWAPAN:

- Langkah-langkah dan usaha Kerajaan bagi menjamin keselamatan awam di Selangor adalah seperti berikut:-
 1. Operasi
 - Ops Bersepadu (Pencegahan Jenayah)
 - Penugasan MPV & URB
 - Kerjasama polis & Prasarana
 - Ops Ambang Merdeka
 2. Community Policing
 - Program bersama komuniti, NGO dan Jabatan Kerajaan
 - 1 Masjid 1 Polis
 - Pegawai Perhubungan Sekolah (1 Sekolah 1 Pegawai Polis)
 - Rondaan MPV di rumah ibadat
 3. Stop and Talk
 - Meet and Greet
 - Lawatan sector disetiap kawasan perumahan
 - Ceramah
 - Pameran

- Gotong-royong
- AMANITA (Pegawai & Anggota Polis Wanita) membuat program dan rondaan bersama kaum wanita di kawasan sekolah, perumahan dan premis-premis perniagaan
- Dialog
- Perjumpaan
- Hari Bertemu Pelanggan disetiap IPD sebulan sekali bersama semua masyarakat di kawasan berkenaan. Pada perjumpaan ini semua permasalahan boleh dikemukakan dan didengari serta diselesaikan bersama polis.

4. CCTV

- Pihak Berkuasa Tempatan bersama PDRM telah berkerjasama untuk pemasangan CCTV di daerah Polis Kontinjen Selangor. Pemasangan CCTV telah dipasang di mengikut daerah-daerah berikut :- (seperti dilampiran)

b) Nisbah Penduduk Dengan PDRM:

- i. Mengikut International Police (INTERPOL) adalah nisbah 1:250
- ii. Mengikut nisbah penduduk Malaysia berbanding dengan PDRM 1:285
- iii. Mengikut nisbah penduduk Semenyih berbanding dengan PDRM 1:3,000 (Penduduk Semenyih 150 ribu dan PDRM 50 orang)
- iv. Nisbah penduduk Selangor dengan PDRM adalah 1:436

SENARAI CCTV PUSAT KAWALAN DAERAH

BIL	DAERAH	BIL. CCTV	STATUS (BEROPERASI/ROSAK/ DLM PROSES PEMBAIKAN)	DIHUBUNGKAN DENGAN PBT / TIDAK	ULASAN
1.	SHAH ALAM	74	24 – DALAM PROSES SELENGGARA/ SAMBUNG KONTRAK 50 – BERFUNGSI (46) TDK BERFUNGSI (4)	PBT (MBSA) SUK	24 CCTV DIBAWAH PROJEK NKRA BANDAR SELAMAT 50 CCTV DIBAWAH PROJEK SUK (KERAJAAN NEGERI SELANGOR)
2.	PETALING JAYA	86	26 – DALAM PROSES PEMBAIKAN 60 – BERFUNGSI (53) TDK BERFUNGSI (7)	PBT (MBPJ)	26 CCTV MBPJ 60 CCTV SUK
3.	SUBANG JAYA	7	TIDAK BERFUNGSI	PBT	CPU TELAH DIAMBIL OLEH PIHAK KPKT PADA 7/3/2017
4.	SERDANG	50	BERFUNGSI (42) TIDAK BERFUNGSI (8)	PBT	27 CCTV BERADA DI KAWASAN IPD SERDANG 23 CCTV BERADA DI KAWASAN IPD SUBANG JAYA
5.	AMPANG JAYA	24	TIDAK BERFUNGSI	TIDAK	TAMAT PENYAMBUNGAN 2015
6.	GOMBAK	62	12 – ROSAK/PEMBAIKAN 50 – BERFUNGSI	PBT	12 CCTV DIBAWAH PROJEK NKRA BANDAR SELAMAT 50 CCTV DIBAWAH PROJEK SUK (KERAJAAN NEGERI SELANGOR)

7.	KLANG SELATAN	10	TIDAK BERFUNGSI	PBT	TIDAK BEROPERASI
8.	KLANG UTARA	27	DALAM PROSES PEMBAIKAN	PBT	DALAM PROSES MENGUBAH SERVER CCTV KE BILIK SEVER C4i
9.	KAJANG	60	46 – ROSAK/KELABU/ TIADA PAPARAN 14 – BERFUNGSI	PBT	KESEMUA KEROSAKAN TIADA PEMBAIKAN
10.	SEPANG	50	12 – ROSAK 38 – BERFUNGSI	PBT	12 CCTV MENGALAMI KEROSAKAN NETWORK SWITCH
11.	KUALA LANGAT	10	2 – ROSAK 8 – BERFUNGSI	PBT	-
12.	KUALA SELANGOR	8	2 – ROSAK 6 – BERFUNGSI	PBT	2 CCTV ROSAK DALAM PROSES PEMBAIKAN
13.	SABAK BERNAM	8	BERFUNGSI	PBT	-
14.	SUNGAI BULOH			TIADA CCTV	
15.	HULU SELANGOR			TIADA CCTV	

JUMLAH KESELURUHAN CCTV DI KONTINJEN SELANGOR
YANG DISAMBUNGKAN KE PUSAT KAWALAN DAERAH - 476

JUMLAH CCTV YANG BERFUNGSI - 265

JUMLAH CCTV DALAM PROSES PEMBAIKAN /
PENYELENGGARAAN - 89

JUMLAH CCTV ROSAK TIADA PEMBAIKAN /
TIDAK BERFUNGSI - 122

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)

TAJUK : JALUR LEBAR SMART SELANGOR

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan tahap kualiti wifi di tempat tumpuan awam?
- b) Bilakah Wifi Selangor boleh mula diguna pakai di kawasan luar bandar terutamanya di Jeram?
- c) Berapakah jumlah peruntukan bagi projek jalur lebar Wifi Smart Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pemasangan Wifi Smart Selangor memang memberi keutamaan di tempat tumpuan awam. Pasukan WiFi Smart Selangor di bawah SMARTSEL, anak syarikat MBI, sentiasa memantau ketersediaan (*availability*) dan prestasi di setiap hotspot dari semasa ke semasa melalui sistem pengurusan jaringan (*Network Management System*). Isu kualiti selalunya disebabkan oleh beberapa faktor iaitu lokasi, bilangan pengguna sedia ada, prestasi *Access Point* (AP) dan jaringan. Sekiranya terdapat isu teknikal, ia akan dipanjangkan ke pihak pembekal yang berkaitan untuk tindakan susulan.

Seperkara lagi, pasukan WiFi Smart Selangor telah memperbaiki proses untuk menyukat dan memantau prestasi pembekal perkhidmatan (TM dan CELCOM) untuk memastikan semua aduan dan masalah dapat diselesaikan dalam jangka masa yang telah dipersetujui.

- b) Usaha untuk memperluaskan liputan Wifi Smart Selangor di kawasan luar bandar memang sentiasa dilaksanakan secara berperingkat. Namun begitu, buat masa ini, pasukan Wifi Smart Selangor belum dapat menentukan waktu untuk kawasan Jeram dapat diberi liputan Wifi Smart Selangor kerana hal ini banyak bergantung kepada ketersediaan infrastruktur jaringan teras (*Core Network Infrastructure*) oleh pihak pembekal yang berdekatan dengan kawasan sasaran tersebut.

Pada masa yang sama, pihak SMARTSEL, anak syarikat MBI yang mengurus jaringan Wifi in bagi pihak Kerajaan Negeri sudah mula membangunkan rangkaian digital sendiri khusus untuk Selangor termasuk memasang rangkaian teras ini di luar bandar mengikut fasa. Pelaksanaan ini akan membolehkan liputan jalur lebar yang meluas di kawasan luar bandar dalam beberapa tahun terdekat ini.

- c) MBI telah memperuntukkan RM90 juta dalam tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2015 hingga ke 2020 untuk projek Wifi Smart Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : TANAH PERSEKUTUAN DI SELANGOR

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah keluasan tanah persekutuan yang berada di Selangor dan statusnya.
- b) Adakah usaha sama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan tanah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hakmilik dan keluasan tanah Persekutuan yang berada di Negeri Selangor adalah sebanyak **2,537 hakmilik** iaitu **17,557.31 hektar** (43,385.06 ekar). Berikut merupakan keluasan terperinci tanah milik Kerajaan Persekutuan di Negeri Selangor mengikut daerah:

**JUMLAH KELUASAN TANAH PERSEKUTUAN DI NEGERI SELANGOR MENGIKUT
DAERAH SEHINGGA OGOS 2018**

BIL	DAERAH	BILANGAN HAKMILIK	JUMLAH KELUASAN (HEKTAR)
1	GOMBAK	148	766.07
2	PETALING	361	2,447.58
3	HULU SELANGOR	435	817.60
4	KUALA SELANGOR	225	794.60
5	HULU LANGAT	686	1,004.40
6	KUALA LANGAT	132	632.56
7	SABAK BERNAM	118	300.22
8	KLANG	210	623.22
9	SEPANG	222	10,171.06

JUMLAH	2,537	17,557.31
---------------	--------------	------------------

*Sumber: Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) sehingga 23 Ogos 2018

- b) Kerajaan Negeri tiada sebarang usaha sama dengan Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan tanah yang tersebut kerana tanah-tanah di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah pun mempunyai tujuan kegunaan atau pembangunan semasa diberimilik atau semasa pengambilan tanah dijalankan dan tanah-tanah tersebut perlu dibangunkan mengikut tujuan tersebut.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai halangan untuk memberikan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan sekiranya diperlukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PENGURUSAN WANG RIZAB NEGERI

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimakah Kerajaan Negeri menentukan setiap perbelanjaan menggunakan wang Rizab Negeri?
- b) Nyatakan penggunaan wang Rizab Negeri dari 2016-2018.

JAWAPAN:

- a) Rizab Negeri hanya digunakan untuk perbelanjaan pembangunan yang memberikan impak kepada rakyat Negeri Selangor. Antaranya adalah projek loji rawatan air dan Projek Jambatan Ketiga Klang.
- b) Penggunaan rizab Kerajaan Negeri Selangor dari tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti berikut:

Penggunaan Rizab Kerajaan Negeri Selangor

Tahun	Jumlah rizab yang digunakan
2016	RM264.02 juta
2017	RM407.65 juta
2018	akaun belum ditutup

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : GURU KAFA

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah Guru KAFA di Selangor mengikut jantina.
- Apakah status terkini Guru KAFA di Selangor?
- Adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan pembayaran elaun Guru KAFA sekiranya Kerajaan Pesekutuan memberhentikannya?

JAWAPAN:

- Berikut merupakan jumlah Guru KAFA di Selangor mengikut jantina:

MAKLUMAT KAFA NEGERI SELANGOR TAHUN 2018					
BIL	DAERAH	KAFAI		SRA	
		GURU KAFA (L)	GURU KAFA (P)	GURU KAFA (L)	GURU KAFA (P)
1	KLANG	41	223	117	687
2	KUALA LANGAT	17	94	49	396
3	KUALA SELANGOR	32	185	69	377
4	HULU LANGAT	97	412	102	513
5	HULU SELANGOR	11	44	42	311
6	SABAK BERNAM	17	70	38	265
7	GOMBAK	137	366	79	288
8	PETALING	148	601	126	470
9	SEPANG	27	99	82	260
JUMLAH		527	2094	704	3567

- Status Guru KAFA di Selangor adalah berstatus sambilan dengan bayaran elaun tetap antara RM1,000.00 hingga RM1,500.00.

- c) Ya, pada masa ini, Kerajaan Negeri akan terus membuat bayaran berdasarkan peruntukan sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PERKHIDMATAN BAS SELANGORKU

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah keadaan kewangan negara yang berhutang menjasakan perkhidmatan Bas Smart Selangor yang disediakan kepada rakyat?
- b) Berapakah jumlah kos pengurusan Bas Smart Selangor sehingga 2017 dan berapakah jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatannya?

JAWAPAN:

a) dan b)

Pelaksanaan Bas Smart Selangor di sebelas (11) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak memberi sebarang implikasi terhadap kewangan negara kerana ianya menggunakan peruntukan sepenuhnya Kerajaan Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh yang demikian, perkhidmatan bas ini masih diteruskan dan tidak terjejas berikutan masalah keberhutangan kewangan negara pada ketika ini.

Kos bagi pengurusan dan pengoperasian Bas Smart Selangor yang bermula pada 1 Julai 2015 adalah menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Jumlah kos bagi tempoh 1 Julai 2015 hingga 31 Disember 2017 adalah sebanyak RM42,536,210.64 termasuk kos yang dibiayai oleh PBT berdasarkan konsep 1 plus 1. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM33,526,422.64 telah dibiayai oleh Kerajaan Negeri, manakala sebanyak RM9,009,788.00 ditanggung oleh PBT yang berkemampuan agar lebih banyak laluan-laluan baru dapat diperkenalkan.

Sejak ianya diperkenalkan, jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan Bas Smart Selangor sentiasa meningkat dari semasa ke semasa di mana jumlah keseluruhan penumpang bagi tempoh 1 Julai 2015 hingga 31 Julai 2018 adalah sebanyak 23 juta orang. Jumlah ini jelas menunjukkan bahawa sokongan dan keyakinan rakyat adalah tinggi terhadap setiap program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : APAKAH STATUS PENSTRUKTURAN SEMULA AIR SELANGOR TERKINI

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah justifikasi pengambilalihan Syarikat SPLASH sebanyak RM2.55 billion?
- b) Bagaimanakah kaedah pembiayaan penstrukturran semula air Selangor yang melebihi jumlah kos awal?
- c) Adakah akan berlaku kenaikan tarif air dan adakah program pemberian air bersih percuma 20 meter padu setiap bulan akan diteruskan?

JAWAPAN:

- a), b) dan c)

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan No. 2, 56, 143, 174 dan 177.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : STATUS TERKINI BERKENAAN PROJEK PENGAMBIL ALIHAN AIR
SELANGOR**

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon untuk mendapatkan status terkini berkenaan projek pengambil alihan Air Selangor?

JAWAPAN:

- a) Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan No. 2, 56,143,173 dan 177.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : MENAIKTARAF JALAN UTAMA KAMPUNG PENDAMAR MUKIM TELOK
GADONG DAERAH KLANG**

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan menaiktaraaf dan melebarkan jalan utama Kampung Pendamar yang semakin sesak dengan kenderaan berat seperti lori kontena demi keselamatan penduduk setempat?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PEMBINAAN MASJID BARU DI KOTA DAMANSARA (JUMLAH DUA) -
BAJET 2018**

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status dan rancangan pembinaan masjid tersebut?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan pembinaan Masjid Kota Damansara 2 (Seksyen 9) bagi tahun semasa adalah token RM50.00 dan dijangka peruntukan tersebut akan dibentangkan oleh pihak UPEN dalam sesi Belanjawan 2019. Seterusnya projek tersebut akan dikemukakan kepada pihak JKR untuk proses pelaksanaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN AIR

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini penstrukturran air selangor, khususnya berkaitan dengan SPLASH?
- b) Berapakah kos yang telah dipersetujui atas penstrukturran Air Selangor?
- c) Apakah kaedah perkiraan yang telah di persetujui digunakan untuk pengambilalihan ini?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan No. 2, 56,143,173 dan 174.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PROGRAM HIJRAH SELANGOR

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keseluruhan peserta HIJRAH?
- b) Berapakah jumlah tunggakan bagi seluruh Negeri Selangor?
- c) Apakah kaedah pengutipan tunggakan ini?

JAWAPAN:

- a) Bilangan penerima pinjaman Hijrah Selangor sehingga kini seramai 47,907 orang dengan bilangan pinjaman yang telah dikeluarkan sebanyak 54,737.
- b) Jumlah tunggakan bagi seluruh Negeri Selangor adalah RM3,930,901.00
- c) Kaedah kutipan tunggakan Hijrah Selangor adalah seperti berikut
 1. Memberikan peringatan secara lisan dan surat peringatan kepada peserta
 2. Memberikan peringatan berkaitan tunggakan melalui *Blast Message*
 3. Mewujudkan Unit *Call Centre* di peringkat cawangan dan ibupejabat
 4. Memberikan surat amaran kepada peserta
 5. Program Task Force Bersepadu oleh kakitangan Hijrah Selangor. Program lawatan berkumpulan yang melibatkan Pengurus Zon, Pengurus Cawangan dan Pegawai Hijrah ke premis perniagaan atau rumah usahawan-usahawan yang bertunggakan. Tujuan lawatan adalah untuk membincangkan permasalahan dan kaedah penyelesaian tunggakan bayaran balik pinjaman usahawan berkenaan.
 6. Setelah tamat tempoh bayaran balik, nama penunggak tegar akan diserahkan kepada agen pengutip hutang yang dilantik.
 7. Proses senarai hitam nama peminjam (sedang dalam peringkat kelulusan pengurusan)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH DI KAWASAN KAMPUNG

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah dan mekanisme baru Kerajaan Negeri dalam menangani isu dan permasalahan sampah di kawasan kampung-kampung?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambahkan peruntukan pengurusan sampah dan sisa pepejal menggunakan mekanisma dan teknologi baru?

JAWAPAN:

- a) Kampung tradisi, bagan dan tempat-tempat yang tidak terletak di dalam kawasan operasi PBT secara prinsipnya tidak diberi perkhidmatan kutipan sampah dan pengurusan sampah. Namun, Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa mengambil berat tentang pengurusan sampah di kampung-kampung luar kawasan operasi PBT khususnya kampung yang terletak di kawasan bandar.

Walau bagaimanapun, PBT yang berkemampuan seperti MBSA dan MBPJ telah mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah sampah di kawasan pentadbiran masing-masing dengan melantik kontraktor kutipan sampah di kampung-kampung untuk melaksanakan kutipan sampah dari rumah ke rumah.

Pada masa ini, mekanisme yang digunakan oleh PBT lain adalah dengan menempatkan tong sampah berpusat (diletakkan di lokasi khas di tepi jalan utama) atau *leach bin* bersaiz 660 liter bagi memudahkan kutipan sampah oleh kontraktor ketika melalui jalan tersebut. Selain itu, spesifikasi kerja kontraktor kutipan sampah telah ditambah baik dengan mensyaratkan setiap kontraktor memungut dan melupuskan sampah sepanjang laluan kampung.

Selain itu, mekanisme baru yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memberikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal yang terbaik untuk rakyat adalah memfokuskan penstrukturkan semula pengurusan sisa pepejal bagi meningkatkan kecekapan operasi dengan memperkenalkan KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) sebagai *Project Management Company (PMC)* yang bertanggungjawab bagi menguruskan pelaksanaan perkhidmatan pengurusan sisa

pepejal dan pembersihan awam di Negeri Selangor termasuklah di kampung tradisi di kawasan PBT yang terlibat. Setelah kejayaan pelaksanaan perkhidmatan ini dapat dilihat di Majlis Perbandaran Klang (MPK) pada tahun 2017, model PMC ini telah diperluaskan pada tahun 2018 ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menggunakan modus operandi yang sama selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang efektif dan efisyen ke arah membangunkan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang berkonsepkan *Smart City* dan *Smart State*.

- b) Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan kepada PBT dalam menguruskan sampah kampung, akan tetapi Kerajaan Negeri telah memberikan bantuan kewangan dengan menyalurkan sebanyak **RM5 juta secara one off** kepada PBT yang bertaraf Majlis Daerah pada tahun 2017. Oleh demikian, Kerajaan Negeri akan merancang untuk meneruskan bantuan kewangan tersebut sehingga tahun 2019 kepada PBT berstatus daerah yang memerlukan untuk menguruskan sampah di kawasan kampung.

Bagi teknologi baru pula, pihak KDEBWM telah membangunkan aplikasi *i-Clean Selangor* bagi telefon pintar untuk memudahkan penduduk di Selangor mengemukakan aduan pembersihan berkaitan dan pembersihan awam di seluruh Negeri Selangor kepada Pengurusan KDEBWM.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 16/2016 yang diadakan pada 11 Mei 2016 dan disahkan oleh MMKN Ke 17/2016 pada 18 Mei 2016 telah menimbang dan bersetuju supaya anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Worldwide Holdings Berhad (WHB) menerajui usaha untuk membangunkan dan melaksanakan *Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC)* bersebelahan dengan Tapak Pelupusan Sanitari Jeram (TPSJ) Kuala Selangor.

Terkini, dalam usaha untuk mempercepatkan pelaksanaan projek ISWMC, MMKN Ke 39/2017 yang diadakan pada 6 Disember 2017 dan disahkan oleh MMKN Ke 40/2017 pada 13 Disember 2017 telah bersetuju meluluskan cadangan pembinaan Loji *Waste To Energy (WTE)* 1 (yang merupakan Fasa 1 daripada keseluruhan sistem ISWMC) di atas sebahagian tanah seluar 25 ekar di Tapak Pelupusan Sanitari Jeram (TPSJ) 2, Kuala Selangor.

Untuk makluman, ISWMC adalah satu sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal yang menyeluruh merangkumi fasiliti atau kemudahan seperti berikut:

1. Loji *Waste to Energy* (WTE);
2. Loji Kitar Semula;
3. Loji Pencernaan Anerobik (AD);
4. Loji Kompos;
5. Loji Kitar Semula Sisa Binaan; dan
6. Pusat Penyelidikan & Pembangunan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

TAJUK : SEKOLAH RENDAH AGAMA (SRA) DI SELANGOR

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah Sekolah Rendah Agama (SRA) di Selangor mengikut daerah.
- Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan murid Islam bersekolah di SRA.

JAWAPAN:

- Jumlah Sekolah Rendah Agama (SRA) Di Selangor Mengikut Daerah:

BIL	DAERAH	JUMLAH
1.	Petaling	24
2.	Gombak	12
3.	Sabak Bernam	31
4.	Sepang	18
5.	Klang	29
6.	Kuala Selangor	33
7.	Hulu Selangor	20
8.	Kuala Langat	24
9.	Hulu Langat	33
JUMLAH		224

- Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menggalakkan murid Islam bersekolah di SRA adalah dengan melaksanakan hebahan melalui *banner* dan siaran di masjid dan surau setempat.